

SU saudara baharu sudah banyak diperkatakan. Di Sarawak, ini ini juga antara fenomena biasa berlaku.

Banyak kajian yang dijalankan oleh penulis berkenaan saudara baharu terutama klien saudara baharu dalam konteks kaunseling.

Bilangan saudara baharu setiap tahun makin ramai bukan sahaja di Malaysia malah di seluruh dunia terutama selepas banyak kejadian yang mencabar bagi umat Islam di seluruh dunia seperti tragedi 11 September lalu.

Isu tembakan di New Zealand dan konflik Israel dan Palestin. Oleh itu, penulis terpanggil berkongsi perihal saudara baharu pada kali ini kerana yakin golongan ini amat penting dan perlu diwar-warkan kepada masyarakat terutama pertukaran agama bukan sahaja di Malaysia malah dunia juga tidak kurangnya yang bertukar agama kepada Islam.

#### Organisasi Yang Membantu Saudara Baru

Di Malaysia sahaja terdapat pelbagai persatuan Saudara Baharu seperti Macma, Persatuan India Muslim, Perkim, Abim Unit Saudara Kita (USK, Sarawak) dan Hidayah Centere Ikram membantu golongan saudara baharu ini. Selain berdepan dengan cabaran kehidupan yang bercorak fizikal dan kerohanian.

Psikologi juga

antara



# Santuni SAUDARA BAHARU

cabaran dihadapi golongan saudara baharu ini.

Sehubungan itu, kaunselor perlu menggunakan pendekatan kaunseling khusus dalam proses membimbing dan menggunakan pendekatan kaunseling lebih menepati permasalahan golongan ini.

#### Kelebihan Sebagai Saudara Baharu

Saudara baharu atau dikenali sebagai 'mualaf' ditakrifkan sebagai manusia yang baharu memeluk agama Islam dan berhak mendapat zakat dan pemberian tersebut bertujuan melunakkan hati dan menguatkan keislaman mereka.

Selain itu, saudara baharu juga diertikan sebagai orang baharu masuk Islam. Saudara baharu juga dikenali sebagai mualaf oleh masyarakat Muslim.

Saudara baharu merupakan mereka melafazkan kalimah syahadah yang wajar diberi bimbingan dan perhatian oleh pakar agama.

Individu menukar agama merujuk kepada seseorang menjalani proses penukaran bidang secara dinamik oleh manusia tersebut, keramaian, ideologi, institusi, andaian dan pengalaman.

Dalam Islam, saudara baharu merujuk golongan asnaf yang layak terima bantuan, bantuan untuk sambung pelajaran, latihan dakwah, wang zakat serta kebajikannya perlu diberikan perhatian serius selain menjinakkan hati golongan ini, juga sebagai sebahagian daripada saudara seislam kita wajar membantu.

#### Salah faham Yang Perlu Diperbetulkan

Kebanyakan klien saudara baharu memaklumkan terdapat beberapa salah faham terhadap seseorang yang bertukar kepada Islam.

Umpamanya, ibu bapa menganggap anak mereka masuk Melayu jika memilih masuk Islam.

Selain itu, mereka bimbang kehilangan anak kandung. Berdasarkan pengalaman penulis dalam NGO atau sukarelawan mendapat ramai ibu bapa bukan Islam memaklumkan anak mereka jauh menjadi lebih baik daripada sebelum memeluk Islam.

Namun, ada juga ibu bapa bukan Islam berkecil hati kerana mengubah nama bapa kepada Abdullah.

Sebenarnya saudara baharu jika tidak mahu tukar nama dan kekal nama kerana Islam tidak menghalang perkara tersebut.

#### Perkongsian Menyentuh Hati

Terdapat ibu bapa yang



**JEMAAH** menunaikan solat hajat mohon kesejahteraan Yang di-Pertuan Agong al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin al-Mustafa Billah Shah selepas solat Maghrib di Masjid Sultan Ahmad I. – Bernama

bukan Islam yang meraikan anak atau saudara mereka setelah memeluk Islam.

Terdapat keluarga saudara baharu sanggup membina surau di sebelah rumahnya dengan wang dan tulang empat keratnya sendiri.

Diharap artikel pada kali ini berhubung saudara baharu dapat memberikan pengetahuan dan pendedahan positif kepada mereka.

Memilih kehidupan dengan memeluk Islam bukan keputusan yang mudah. Semoga coretan pendek ini, penulis sudah menjalankan tanggung-jawab penulis sebagai Muslim.

“

Saudara baharu atau dikenali sebagai 'mualaf' ditakrifkan sebagai manusia yang baru memeluk agama Islam dan berhak mendapat zakat dan pemberian tersebut bertujuan untuk melunakkan hati dan menguatkan keislaman mereka.

**MASJID** Kampung Laut, antara masjid tertua di Malaysia berusia 300 tahun yang masih digunakan sebagai tempat ibadat. – Bernama



Samsiah Jayos  
K.B., P.A., (MAL)

#### Kata Kaunselor

Pensyarah Kaunseling UNIMAS

